

26/08/1999

3 acara menarik sempena Merdeka

Hardi Effendi Yaacob

KUALA LUMPUR, Rabu - Pameran kereta Formula 1, pertandingan teh tarik, persembahan artis tempatan dan bunga api adalah antara acara menarik pada Festival Belia dan Perbarisan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-42 selama dua hari, bermula Sabtu ini.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata festival itu akan diadakan di Bangsar Square dan sekitar Jalan Telawi di sini dengan acara kemuncaknya pada Ahad dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kali pertama kita adakan festival seperti ini bagi memberi peluang kepada anak-anak muda menyertai acara yang menyedarkan mereka akan kepentingan Hari Kemerdekaan supaya dapat memikul tanggungjawab mengisi dan mempertahankan kemerdekaan negara," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata, festival bertemakan 'Kejayaan Lalu Inspirasi Alaf Baru' itu juga bertujuan memupuk semangat cintakan agama, bangsa dan negara di kalangan orang ramai.

Festival berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Wakil Rakyat Lembah Pantai, Persatuan Penduduk Zon Bangsar, Majlis Perniagaan Bangsar, Kumpulan Penjaja Jalan Telawi, Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), manakala Telekom Malaysia adalah penaja utamanya.

Shahrizat yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan berkata, acara bermula pada 3 petang 28 Ogos yang mana acara disediakan lebih bertumpu kepada pameran dan kegiatan rekreasi.

"Acara ini akan bertumpu sepenuhnya di Jalan Telawi 2, yang mana kita ada menyediakan 16 ruang khas yang dinamakan Bazaar Sukan.

"Antara yang dipamerkan ialah kereta lumba Formula 1 (F-1) dari Sauber Petronas, selain kaunter tempahan tiket bagi mereka yang ingin menyaksikan Grand Prix F-1 di Litar F-1 Sepang, Oktober depan," katanya.

Beliau berkata, pada Ahad pula acara akan bermula 7.30 pagi dengan program bola sepak jalanan membabitkan 18 kumpulan.

Pada sebelah petang pula, katanya, persembahan hiburan oleh kumpulan Old Automatic Garbage (OAG), Too Phat, Muchachaz, Da Joint, Roughedge dan Dead Mushroom akan bermula jam 3 petang di Pentas 3, Jalan Telawi 5.

"Persembahan berunsurkan patriotik ini memerlukan setiap kumpulan muzik menyelitkan pesanan Cintailah Malaysia dalam persembahan mereka, diselang-selikan dengan Kuiz Merdeka.

"Penyanyi solo dan kumpulan nasyid seperti Imad, Aeman, Siddiq dan Amal pula akan membuat persembahan pada jam 5.30 petang di Pentas 2, Jalan Telawi 1 berhampiran Masjid Abu Bakar as-Siddiq," katanya.

Acara seterusnya akan bermula jam 8.45 malam dengan majlis perasmian yang akan dihadiri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Ia disusuli perarakan yang turut membabitkan atlet negara ke Sukan SEA di Brunei Darussalam, penunggang vespa, motorsikal berkuasa tinggi dan kereta pacuan empat roda, selain enam kumpulan pancaragam.

"Pelayar 'Jalur Gemilang' Datuk Azhar Mansor adalah antara tetamu yang akan menghadiri festival belia itu yang mempamerkan sumbangan generasi muda dalam pelbagai bidang.

"Persembahan penyanyi solo dan berkumpulan pula akan bermula serentak jam 10.30 malam di tiga pentas berasingan iaitu Jalan Telawi 4, Jalan Telawi 1 dan Jalan Telawi 5," katanya.

Lebih 20 penyanyi solo dan kumpulan muzik tempatan akan membuat persembahan pada malam terakhir Festival Belia Dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-42.

Antaranya M Nasir, Ziana Zain, Innuendo, Shima, Jay Jay, Liza Hanim, Mas Idayu, Sharizan, Rozita Izlyn, Rem, Moin, GIM, Huda, Rabbani, Brothers, Saujana, Nowseeheart, Ning Baizura, Shades, A To Z dan Butterfingers.

(END)